



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	21/12/2019	MUKA SURAT : 49
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	



Husin mengalami cedera parah dihantar ke HGM dengan penerbangan ihsan Unit Udara JBPM di Gua Musang, semalam. [Foto ihsan bomba]

Orang Asli parah diserang beruang

Gua Musang: Seorang lelaki Orang Asli yang parah diserang beruang dikejarkan ke Hospital Gua Musang (HGM) dengan penerbangan ihsan Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), semalam.

Husin Dollah, 35, parah pada kepala, tangan kiri dan kaki kanan selepas diserang beruang di hutan Kampung Sempadik, Pos Belatim, jam 12 tengah hari kelmarin.

Dia terpaksa menahan kesakitan lebih 22 jam sebelum penerbangan ihsan itu dilakukan jam 10.10 pagi untuk dihantar ke HGM.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Subang, Mohd Farhan Marzuki, ber-

kata penerbangan ihsan kru Agusta A109E itu berlepas dari Subang jam 8.14 pagi.

Katanya, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Gombak memohon penerbangan ihsan itu pada jam 3 petang kelmarin dan disebabkan cuaca buruk, penerbangan terpaksa ditangguhkan hingga pagi semalam.

"Penerbangan ini mendarat di Kampung Sempadik, Pos Simpor jam 9.30 pagi dan mendarat dengan selamat di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang.

"Pesakit dalam keadaan stabil kemudian dihantar ke HGM menggunakan ambulans JBPM," katanya di sini, semalam.